

08/11/1998

Pulau Pinang restui pelantikan Abdullah

GEORGETOWN: Semua Ketua Bahagian Umno Pulau Pinang menyambut baik pelantikan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar yang juga Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata pengumuman dibuat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sememangnya tepat dan sudah diduga.

Menurutnya, semua anggota parti bukan saja memberikan sokongan seratus peratus tetapi akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Abdullah untuk menjayakan semua program bagi mengukuhkan parti.

Beliau berkata, program penerangan untuk semua ahli parti akan diteruskan supaya pelbagai masalah dapat diselesaikan secara musyawarah.

"Sebagai pemimpin veteran yang sebelum ini pernah menjadi Ketua Perhubungan Umno Negeri, Abdullah pasti mampu dan berupaya menyusun program bagi mengukuhkan kedudukan Umno di negeri ini," katanya selepas majlis penyerahan bantuan pakaian terpakai dan derma buku di bangunan Pemenang, Jalan Pemenang, dekat sini, semalam.

Pengumuman Abdullah sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri menggantikan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diumumkan Dr Mahathir pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) yang diadakan di Kuala Lumpur, malam Jumaat kelmarin.

Menurut Shariff, keputusan itu mengembirakan semua Ketua Bahagian Umno seluruh negeri yang sempat dihubungnya.

"Sebahagian besarnya percaya Presiden Umno membuat satu keputusan yang tepat dan bijak," katanya.

(END)